

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. MANSOR BION ABD RAHMAN
[SIK]

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah dan nasib pemandu teksi di Kuala Lumpur yang mengadu tentang Uber yang mana lebih murah daripada teksi dan apakah cara penyelesaian yang diberikan untuk menjaga kepentingan pemandu teksi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah untuk mengawal selia *perkhidmatan e-hailing*, iaitu aktiviti tempahan *perkhidmatan teksi atas talian* melalui aplikasi pintar/mudah alih seperti UBER dan Grab sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagi tujuan ini, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini.
4. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada

usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

5. Pada masa yang sama, satu rangka polisi baru telah disediakan bagi memastikan pengendali perkhidmatan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memberi manfaat kepada pengguna dan juga pemandu. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

6. Antaranya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, prosedur sama yang perlu dipatuhi oleh pemandu teksi juga terpakai kepada semua pemandu *e-hailing*, seperti keperluan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD, pemeriksaan kenderaan serta proses saringan dan latihan yang akan ditetapkan. Melalui kaedah ini, kedua-dua perkhidmatan teksi konvensional dan juga *e-hailing* akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada *orang awam*.

7. Dalam pada masa yang sama, pemandu teksi boleh terus mendapatkan penumpang secara konvensional atau *street hailing* dan pada masa yang sama boleh mengambil peluang ke atas penggunaan teknologi untuk mendapatkan penumpang dengan menggunakan kaedah *e-hailing*, iaitu menggunakan aplikasi mudah alih. Penggunaan konvensional akan masih berdasarkan harga siling menggunakan meter manakala tambang sistem aplikasi *e-hailing* akan diliberalisasi dan tidak dikawal selia, menjadikannya dinamik dan ditetapkan oleh permintaan pasaran.

8. Melalui cara ini, pemandu teksi akan mempunyai lebih pilihan cara untuk mendapatkan penumpang. Pemandu teksi boleh beroperasi dengan lebih fleksibel dan turut berpeluang untuk menawarkan kadar tambang yang sama seperti yang diperolehi oleh pemandu perkhidmatan *e-hailing* yang lain seperti Uber dan Grab.

9. Pemandu-pemandu teksi sedia ada juga disaran untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dengan pemberi perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

Sekian, terima kasih.